

# COVID-19: Semua kerajaan negeri dibenar beli vaksin sendiri - Khairy

UmaVathi Ramayah  
Mei 18, 2021 18:04 MYT



*Khairy sekali lagi mengulangi pembekalan vaksin percuma adalah cukup bagi semua individu yang layak di semua negeri. - Gambar fail/Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan negeri dibenarkan untuk membeli bekalan vaksin mereka sendiri dengan syarat mendapat kelulusan Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA).

Bagaimanapun Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar menegaskan, vaksin yang diperoleh itu perlu daripada syarikat farmaseutikal yang sama dibeli melalui PICK.



## Berita Berkaitan

Lagi



Sorakan ekonomi boleh berubah jadi tangisan jika jangkitan COVID-19 kekal di paras tinggi



Empat lelaki dikompaun langgar SOP PKP di Port Dickson



AWANI Pagi: Memahami Long COVID-19



MALAYSIA

Lambakan buah tembakai: Harga jatuh hingga 80 sen per kilogram

"Berdasarkan syarat perjanjian di antara kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat pengeluar vaksin berkenaan, pembekalan stok vaksin yang telah ditempah perlu dan akan didahului kepada kerajaan (Persekutuan) bagi memastikan pelaksanaan PICK sebelum (diberi) kepada mana-mana pihak lain.

masuk ke Sabah  
diperketat | R-Naught  
naik dua hari  
berturut-turut

## Anda mungkin berminat pada artikel ini

- [#MyVaksinCOVID-19: Data dan informasi setakat ini](#)
- [Vaksin COVID-19: Jumlah dos didaftarkan seluruh dunia melebihi 1.506 bilion](#)
- [Wartawan Bangladesh berdepan hukuman gantung kerana dedah rasuah](#)
- [Serangan Israel burukkan lagi situasi COVID-19 di Palestin](#)
- [Industri pelancongan hampir 100 peratus lumpuh, MITA rayu kerajaan penuhi 10 tuntutan](#)
- [Majikan di Selangor boleh dapatkan vaksin untuk pekerja di SELangkah](#)
- [Vaksin COVID-19: Bayi lapan bulan individu termuda disuntik vaksin Pfizer](#)

## Berita Terkini

Lagi

**Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS**

BISNES

**Sorakan ekonomi boleh berubah jadi tangisan jika jangkitan COVID-19 kekal di paras tinggi**

MALAYSIA

**Vaksin COVID-19: Jumlah dos didaftarkan seluruh dunia melebihi 1.506 bilion**

DUNIA

**Empat lelaki dikompaun langgar SOP PKP di Port Dickson**

MALAYSIA

**Krisis Myanmar: Angka korban cecah 802 orang**

DUNIA

**Dapatkan berita terkini melalui emel anda**



Emel Anda

DAFTAR

"Ia termasuk kerajaan negeri, pihak industri atau hospital swasta yang membuat tempahan dan pembelian selepas kerajaan Persekutuan, melainkan melalui pembekal yang tidak terlibat dalam PICK," katanya dalam kenyataan di sini, pada Selasa.

Pada masa yang sama, Khairy sekali lagi mengulangi bahawa pembekalan vaksin percuma adalah mencukupi untuk semua individu yang layak di semua negeri.

Dalam perkembangan sama, katanya Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) mengalu-alukan sebarang usaha dari mana-mana pihak yang ingin membantu PICK dengan menyumbangkan bekalan dos vaksin kepada PICK atau negeri dengan syarat vaksin yang akan disumbangkan telah mendapat kelulusan NPRA.

"Buat masa ini, tiga jenis vaksin yang telah mendapat kelulusan NPRA adalah vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca," katanya.

Khairy turut menjelaskan bahawa CITF mengambil maklum tentang hasrat Yayasan Sekhar untuk menyumbangkan bekalan vaksin jenis Sinovac kepada PICK.

Bagaimanapun, ujarnya, setelah diperiksa dengan pihak Sinovac di China dan Pharmaniaga iaitu pemegang lesen bagi vaksin Sinovac di Malaysia, tiada apa-apa permohonan atau pembelian mahupun dokumen rasmi berkaitan perkara ini yang telah dikemukakan oleh Yayasan Sekhar.

"CITF ingin menjelaskan bahawa tiada sebarang halangan sekiranya Yayasan Sekhar atau mana-mana pihak yang mahu meneruskan hasrat murni ini namun ia haruslah disusuli dengan tindakan mengikut saluran yang ditetapkan," tambahnya lagi.



Dapatkan berita kami melalui emel anda

Emel Anda

Hantar

#### Cara lain mengikuti berita kami



#program vaksinasi    #Khairy Jamaluddin  
#Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan    #PICK  
#kerajaan negeri    #CITF    #Pfizer-BioNTech    #Sinovac  
#AstraZeneca


#### Juga Menarik Dari Laman Web



DARI LAMAN  
WEB



DARI LAMAN  
WEB



DARI LAMAN  
WEB



DARI LAMAN  
WEB



DARI LAMAN  
WEB

Invest now \$  
250 in  
Companies  
like Netfli...  
Smart Invest

Surprise  
check:  
Biden  
stimulus...  
Nikkei Asia

Mark  
Zuckerberg  
Buys 600  
Acres on...  
Mansion Global

Kuala  
Lumpur:  
2021's SUV  
Prices Mi...  
SUV | Searc...

Kuala  
Lumpur: Get  
Unsold cars  
from 2019...  
New Cars | S...

Recommended by

